

30 APR 1998

Samy-Kolej

MIC AKAN TUBUH KOLEJ IT DAN MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- MIC akan menubuhkan Kolej Darul Ridzuan, sebuah kolej teknologi maklumat dan multimedia di Perak bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara, kata Presidennya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Katanya, MIC juga bercadang menaikkan status Kolej Tafe di Seremban ke taraf universiti.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di ibu pejabat parti di sini, Samy Vellu berkata kedua-dua institusi itu dijangka dapat membekalkan beribu-ribu tenaga kerja mahir setiap tahun kepada negara.

Mengenai kolej bernilai RM15 juta yang akan dibina di kawasan seluas lapan hektar di Tambun itu, beliau berkata ianya akan dikendalikan secara usahasama dengan Indian Institute of Technology (IIT) yang berpangkalan di New Delhi.

"Kita berharap kolej itu dapat ditubuhkan menjelang tahun depan," katanya dan menambah perbincangan dengan IIT sedang berjalan lancar.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, buat permulaan kolej itu akan menawarkan kursus peringkat diploma dalam pelbagai mata pelajaran teknologi yang selaras dengan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Katanya, kolej itu yang dijangka mengambil 1,500 pelajar adalah terbuka untuk semua orang.

Presiden MIC itu berkata, kakitangan akademik kolej itu akan diambil daripada dalam negara dan juga India.

Mengenai Kolej Tafe, Samy Vellu berkata MIC akan mengkaji kemungkinan menaikkan tarafnya kepada universiti sejajar dengan usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Samy Vellu berkata, mesyuarat pada hari ini juga turut membincangkan pelbagai masalah yang dihadapi pelajar India Malaysia di universiti tempatan dan luar negara terutama di Trinidad dan Tobago ekoran kegawatan ekonomi.

Katanya, beliau telah membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diberi jaminan bahawa para pelajar dalam bidang perubatan di Trinidad dan Tobago akan diberi bantuan.

Beliau juga menyeru para ibu bapa kaum India supaya menjadi anggota Koperasi Didik Berhad yang dilancarkan baru-baru ini yang menyediakan pinjaman pendidikan.

-- BERNAMA

ES RHM